

# Pegawai Bumiputera

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# bukan untuk hiasan

**KUALA LUMPUR, Ahad**  
— Syarikat-syarikat swasta diingatkan supaya jangan melantik eksekutif Bumiputera sekadar memenuhi kuota Dasar Ekonomi Baru (DEB) sahaja sebaliknya, Perdana Menteri mahu mereka diberi tugas yang seimbang dengan jawatan dan gaji yang ditawarkan.

Tetapi jika eksekutif Bumiputera itu tidak menjalankan tugas yang diamanahkan, pihak pengurusan syarikat boleh melaporkan kepada Kerajaan, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mahukan pegawai-pegawai Bumiputera mempelajari selok-belok perniagaan syarikat di samping turut sama menjayakan DEB dan negara.

Berucap merasmikan Seminar

'Ke Arah Era Baru Ekonomi' anjuran MCA Wilayah Persekutuan di sini, beliau berkata tujuan menggalakkan pengambilan eksekutif Bumiputera dalam sesebuah syarikat adalah untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan, bukannya sekadar untuk memenuhi kuota Kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Kerajaan akan bertindak jika ada alasan yang munasabah mengenai eksekutif Bumiputera yang bergaji tinggi tetapi tidak menjalankan tugas.

## Bertindak

Setiap aduan itu akan disiasat dan jika didapati berasas Kerajaan tidak teragak-agak untuk bertindak, tegas beliau lagi.

Penyiasatan teliti, katanya perlu dijalankan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya sabotaj atau pemeasaran.

Katanya, masyarakat Cina haruslah membantu Bumiputera dalam perniagaan kerana pengetahuan seperti ini tidak mudah diperolehi menerusi maktab atau institusi-institusi.

Berdasarkan latar belakang masyarakat Cina yang menjalani hidup menerusi bidang perniagaan, beliau berkata adalah wajar mereka membimbing masyarakat Bumiputera yang selama ini hanya bergantung kepada kehidupan kampung dan menjadi kakitangan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata,

kerajaan juga akan cuba mengubah pemikiran masyarakat Melayu yang selalu bergantung kepada bantuan seperti subsidi.

Beliau berkata, keadaan seperti ini perlu diubah dengan kerjasama dari semua pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan syarikat-syarikat supaya tidak memancing pegawai yang sedang bertugas dengan syarikat lain hanya dengan tawaran gaji \$200 lebih.

Katanya, perbuatan seperti itu tidak menguntungkan kerana, meskipun ramal kaum Bumiputera yang dilantik bertugas di syarikat-syarikat tetapi mereka adalah orang yang sama, hanya bertugas di tempat lain.

Perdana Menteri juga membandingkan golongan rakyat yang meminta bantuan luar untuk mengemukakan mengugut kerajaan kerana tidak puas hati terhadap sesuatu rancangan yang dilaksanakan.

"Kerajaan boleh menentukan apa yang baik dan perlu bagi rakyat berdasarkan kehendak majoriti," katanya.

Beliau kesal golongan itu bertindak demikian sedangkan mereka boleh menyuarakan pendapat dan permintaan mereka kerana kerajaan mengamalkan sistem demokrasi.

Kerajaan sedar akan kegiatan golongan seperti itu dan tidak akan terpengaruh dengan perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu.